

13/03/1999

Pembangkok gagal wujud persefahaman politik

SETIAUSAHA Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata partinya tidak percaya kerajaan Barisan Nasional (BN) akan dapat ditumbangkan dalam pilihan raya umum akan datang. Katanya, ada sesetengah orang yang begitu terpesona dengan perubahan dalam bidang politik hingga mereka mempercayai ini akan berlaku. Sebaliknya Lim tidak berpegang kepada tanggapan demikian. Lim berkata demikian ketika berucap dalam sidang kebangsaan DAP di Petaling Jaya, awal minggu ini. Beliau menjelaskan sekiranya Malaysia dapat memulakan langkah memasuki alaf baru dengan menolak BN daripada memenangi dua pertiga kerusi di Parlimen, maka kejayaan itu akan mencetuskan satu rentetan perkembangan politik yang nanti akan memungkin kekalahan kerajaan BN dalam pilihan raya umum berikutnya.

Perlu disebut bahawa anggapan Lim bahawa kerajaan BN tidak akan dapat ditumbangkan dalam pilihan raya umum akan datang bukan satu pendapat yang baru. Beliau berterus-terang menghuraikan pendapatnya ini dalam satu temuramah panjang dengan sebuah akhbar pembangkang baru-baru ini.

Apa sebenarnya yang menjadi pendirian Lim ialah partinya sanggup bekerjasama dengan parti-parti pembangkang yang lain terutama dengan Pas atas satu platform yang minimum iaitu untuk tidak memungkinkan BN memenangi dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat demi untuk mencegah tertubuhnya sebuah kerajaan BN yang kuat. Dengan kata lain, cita-cita DAP dalam pilihan raya umum akan datang adalah sederhana saja iaitu untuk barisan pembangkang muncul sebagai satu tenagaimbangan yang berkesan kepada kerajaan BN.

Inilah juga objektif DAP dalam pilihan raya umum yang lalu. Lim menyatakan baru-baru ini sekiranya barisan pembangkang dapat menafikan dua pertiga kerusi dalam Dewan Rakyat untuk BN, maka kejayaan ini adalah satu kemenangan besar. Malah, Lim menyatakan bahawa partinya juga hanya bermaksud berfungsi sebagai parti pembangkang yang kuat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Nampaknya Lim tidak berganjak daripada pendiriannya ini yang jelas tidak mempunyai persamaan dengan objektif Pas yang berhasrat mengambil tempat kerajaan BN sebagai kerajaan dalam pilihan raya akan datang.

Adalah juga jelas perbezaan sikap antara DAP dan Pas dalam menghadapi pilihan raya akan datang. Perbezaan pertama ialah mengenai objektif menyertai pilihan raya dan kedua tujuan akhir daripada pilihan raya itu. DAP hanya bertujuan menolak kemungkinan BN mendapat dua pertiga kerusi di samping berhasrat hanya mengusahakan supaya barisan pembangkang muncul sebagai satu tenagaimbangan yang mampu berfungsi sebagaiimbangan kepada kekuasaan kerajaan BN di Dewan Rakyat. Adakah mungkin Lim akan mengubah pendiriannya? Adalah jelas bahawa pendapat Lim didasarkan kepada kenyataan politik yang wujud sekarang dan untuk beberapa waktu akan datang. Barangkali menurut penelitiannya, realiti politik sekarang sekalipun agak bergelora namun belum cukup matang yang mana rakyat mungkin menolak sama sekali kerajaan BN. Satu faktor penting dalam perhitungan Lim mungkin sikap pengundi Cina terhadap kerajaan BN khususnya terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Saingan politik DAP selama ini ialah MCA. Tetapi MCA hari ini adalah sebuah pertubuhan politik kaum Cina yang cukup berpengaruh. Anggota-anggota MCA kini meningkat kepada 800,000 dan pada tahun depan diramalkan bilangan anggotanya meningkat kepada sejuta orang, satu jumlah yang tidak dapat dianggap remeh oleh parti lain seperti DAP. Beberapa isu seperti isu

pendidikan dan kebudayaan tidak lagi menjadi isu sensitif dalam pilihan raya umum.

Adakah agenda politik Lim yang begitu sederhana berpunca daripada kemerosotan pengaruh parti itu di kalangan masyarakat Cina? Lim kini menghadapi masalah dalaman akibat `pemberontakan' beberapa tokoh partinya terhadap corak kepemimpinannya. Ada juga antara anasir berkenaan yang membantah dasar Lim yang dikatakan meninggalkan agenda asal parti itu memperjuangkan cita-cita `Malaysian Malaysia' serta sikapnya kini bekerjasama dengan Pas dalam `Gerak' dan `Gagasan'.

Lim sendiri mengakui bahawa kerjasamanya dengan Pas dalam Gerak dan Gagasan akan membawa apa yang disifatkannya sebagai `kerugian undi' dalam pilihan raya nanti tetapi untuk adil kepada Lim, isu kerjasama dengan parti pembangkang yang lain hanya terbatas kepada isu hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan bergerak dan memastikan kerajaan bergerak secara adil dan demokratik. Lim terus terang menyatakan pendirian partinya tidak akan bekerjasama dengan Pas jika kerjasama itu berasaskan syarat bahawa DAP harus terlebih dahulu menerima wawasan Pas untuk mewujudkan sebuah negara Islam.

Pas akan mengadakan perhimpunan agungnya April ini untuk membincangkan isu pilihan raya umum. Tentu sekali ia akan membincangkan garis-garis parti itu untuk bekerjasama dengan parti lain dalam pilihan raya umum akan datang. Keputusan perhimpunan agung itu akan menjawab soalan sama ada akan muncul satu barisan pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang atau adakah parti masing-masing akan mengadu nasib secara terpisah dan bersendirian.

Apa yang terang pada masa ini ialah sementara Pas yakin dapat menubuhkan sebuah kerajaan alternatif dalam pilihan raya umum akan datang, sebaliknya DAP tidak mempunyai keyakinan yang sedemikian.

Memang diakui bahawa pemimpin DAP seperti Lim serta anak lelakinya, Lim Guan Eng, menjalin hubungan yang rapat dengan parti pembangkang seperti Pas. Lim duduk dalam satu barisan bersama-sama pemimpin Pas dalam rapat umum serta majlis forum Gerak, Adil dan Gagasan.

Masalahnya ialah bagaimana persefahaman atas isu keadilan, hak asasi manusia dan sebagainya itu dapat diterjemahkan dalam satu agenda politik, ekonomi, sosial dan budaya untuk memujuk pengundi pelbagai kaum dalam pilihan raya akan datang. Setakat ini belum nampak tanda-tanda bahawa masalah ini ditangani parti pembangkang.

(END)